



KEMENTERIAN KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN  
KERAJAAN TEMPATAN  
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
ARAS 2  
51 PERSIARAN PERDANA  
PRESINT 4,  
62100 PUTRAJAYA

Telefon : 03-88915556  
Faks : 03-88915557  
Kawat : "MINRUMAH"  
Portal : [www.kpkt.gov.my](http://www.kpkt.gov.my)  
E-mel : [pro@kpkt.gov.my](mailto:pro@kpkt.gov.my)  
Twitter : [www.twitter.com/kpkt\\_gov](http://www.twitter.com/kpkt_gov)  
Facebook : [www.facebook.com/KPKTMalaysia](http://www.facebook.com/KPKTMalaysia)

---

Fail : KPKT/BPK/19/7/4 Klt.42 (76)

Tarikh : 18 November 2013

## SIARAN MEDIA

### **SAMBUTAN HARI KITAR SEMULA KEBANGSAAN 2013 JANGAN KOTORKAN MASA DEPAN KITA...KITAR SEMULA**

Kuala Lumpur, 18 November 2013- Pada tahun ini, Program Kitar Semula yang dilaksanakan oleh KPKT telah mencecah usia 13 tahun pelaksanaannya dan kadar kitar semula telah meningkat daripada 5% pada tahun 2006 kepada 10.5% pada tahun 2012.

YB Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan yang hadir merasmikan Majlis Sambutan Hari Kitar Semula Kebangsaan 2013 pada hari ini berkata sekiranya pola aliran positif dalam meningkatkan kadar kitar semula di Malaysia ini dikekalkan Kerajaan amat yakin dan optimis bahawa sasaran 22% kitar semula pada tahun 2020 akan dapat dicapai.

Sasaran ingin lebih ramai dan majoriti rakyat Malaysia akan menjadikan amalan kitar semula sebagai sebahagian dari kehidupan mendorong Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan komited menekankan amalan 3R sebagai komponen paling penting dalam pengurusan sisa pepejal di negara ini.

YB Dato' Abdul Rahman Dahlan berkata, " Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan melalui dua (2) agensinya iaitu Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara (JPSPN) dan Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (PPSPPA) saban tahun melaksanakan inisiatif-inisiatif yang dapat menggalakan peningkatan

kadar kitar semula di Negara kerana kita mahu rakyat sedar betapa besar impak kitar semula ke atas pengurusan sisa pepejal di Malaysia”.

“Rakyat Malaysia perlu melihat bagaimana situasi hari ini dimana pertambahan sisa pepejal dari sehari ke sehari akan menyebabkan jangka hayat tapak-tapak pelupusan yang ada diseluruh Malaysia menjadi semakin pendek. Justeru, Kerajaan perlu membuka tapak-tapak pelupusan baru atau kemudahan-kemudahan merawat dan melupuskan sisa pepejal seperti Loji *Waste To Energy* yang akhirnya akan meningkatkan persaingan guna tanah. Jika kita berjaya dalam 3R ini yang merupakan komponen yang paling penting dalam pengurusan sisa pepejal dimana-mana negara di dunia ini, kita dapat mengurangkan kebergantungan kita keatas kemudahan-kemudahan tersebut seterusnya menjimatkan peruntukan pembangunan negara, ” kata Abdul Rahman.

Kerajaan melihat bagi menggalakkan amalan kitar semula di kalangan rakyat Malaysia ianya perlu pendekatan dua (2) hala iaitu Penguatkuasaan Undang-undang dan Insentif oleh Kerajaan perlu seiring dengan meningkatkan kesedaran orang awam melalui kempen-kempen kesedaran awam dan pendidikan yang berterusan. Antara langkah yang sedang dan telah diambil oleh Kerajaan melalui Penguatkuasaan Undang-undang dan insentif Kerajaan adalah:

Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007 (Akta 672) yang telah dikuatkuasakan pada 1 September 2011 mempunyai peruntukan khusus untuk menggalakkan amalan 3R iaitu *reduce, reuse* dan *recycle*. Diantara peruntukan penting yang berkaitan dengan kitar semula di dalam Akta 672 :

- Pengasingan Sisa di Punca (1 Kali kutipan sisa pepejal dalam seminggu dikhaskan bagi sisa pepejal yang boleh dikitar semula);
- Pengurangan penajaan sisa, Penggunaan semula bahan-bahan dan pengitaran semula bahan-bahan;
- Sistem Terima Balik; dan
- Sistem Bayaran Balik Deposit

Bagi menggalakkan industri kitar semula Kerajaan juga dibawah Akta 672 boleh:

- melaksanakan sistem kod dan pelabelan bagi keluaran atau bahan yang

mempunyai bahan kitar semula;

- menghendaki mana-mana orang atau syarikat menggunakan amaun tertentu bahan yang dikitar semula bagi keluaran tertentu.

Namun Kerajaan tidak mahu kita hanya bergantung kepada pendekatan penguatkuasaan sahaja, kita mahu menjadikan masyarakat kita menganggap amalan kitar semula itu sebagai sebahagian dari amalan seharian dalam kehidupan seperti mana rakyat Jepun contohnya. Justeru sokongan menyeluruh dari pihak swasta, syarikat-syarikat korporat, Badan bukan Kerajaan, komuniti setempat dan semua lapisan masyarakat keseluruhannya amat diharapkan. Sambutan majlis pada hari ini dimana Kementerian menjalinkan kerjasama dengan dua (2) Badan Bukan Kerajaan iaitu *Malaysian Environmental NGOs (MENGO)* dan *Recycle Community (RCOMM)*, pemberian sijil kepada syarikat-syarikat swasta dan sekolah-sekolah yang aktif dalam mempromosikan 3R dapat menjadi platform untuk meningkatkan lagi penyertaan dari pihak lain-lain.

Kerajaan mahu penyertaan semua pihak agar bersama-sama komited memastikan sasaran sebanyak 22% sisa yang akan dikitar semula menjelang tahun 2020. Kita masih mempunyai tujuh (7) tahun lagi bagi memastikan hasrat tersebut tercapai. Namun yang paling penting sokongan dan ketersediaan setiap lapisan masyarakat dalam menjadikan amalan mengitar semula sebagai sebahagian dari kehidupan harian kerana kita semua bertanggungjawab terhadap masa depan yang sihat dan sejahtera. **Jangan Kotorkan Masa Depan Kita..Kitar Semula!**

---

*Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) diterajui oleh YB Dato' Abdul Rahman Dahlan. Di bawah Kementerian ini terdapat 9 Jabatan iaitu Jabatan Perumahan Negara, Jabatan Kerajaan Tempatan, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, Jabatan Lanskap Negara, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, Perbadanan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam, Tribunal Tuntutan Pembeli Rumah dan Institut Latihan Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan*

Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat

b.p. Ketua Setiausaha

Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Telefon : 03-8891 5555

Faks : 03-8891 5557

E-mel : [pro@kpkt.gov.my](mailto:pro@kpkt.gov.my)